



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***HUBUNGAN ANTARA DISPOSISI PEMIKIRAN KRITIS DENGAN SIKAP,  
PERSEPSI DAN EFIKASI SECARA PENGAJARAN KOPERATIF DALAM  
KALANGAN GURU PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI***

**SURESH KUMAR A/L KUPPUSAMY**

**FPP 2016 55**



**HUBUNGAN ANTARA DISPOSISI PEMIKIRAN KRITIS DENGAN SIKAP,  
PERSEPSI DAN EFIKASI SECARA PENGAJARAN KOPERATIF DALAM  
KALANGAN GURU PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI**

Oleh

**SURESH KUMAR A/L KUPPUSAMY**

**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Jun 2016**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA DISPOSISI PEMIKIRAN KRITIS DENGAN SIKAP,  
PERSEPSI DAN EFIKASI SECARA PENGAJARAN KOPERATIF DALAM  
KALANGAN GURU PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI**

Oleh

**SURESH KUMAR A/L KUPPUSAMY**

**Jun 2016**

**Pengerusi : Profesor Madya Tajularipin Sulaiman, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) adalah salah satu program bercantuman yang dijalankan bagi murid-murid pendidikan khas di sekolah harian biasa. Murid PPKI merupakan murid yang menghadapi masalah dari segi sosial dan pencapaian akademik disebabkan kekurangan yang mereka miliki. Manusia tidak dilahirkan dengan pemikiran kritis, sebaliknya kemahiran ini perlu dibina dan diserlahkan. Pemikiran kritis merangkumi kemahiran berfikir dan disposisi pemikiran kritis. Guru perlu mempraktikkan disposisi pemikiran kritis melalui pelaksanaan pedagogi pengajaran spesifik bagi meningkatkan kebolehan potensi murid.

Memandangkan guru adalah individu yang secara langsung berperanan meningkatkan kemahiran yang ada pada murid, justeru, kajian ini memberi fokus kepada guru dalam mengenal pasti tahap disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi dan efikasi secara pengajaran koperatif. Kajian ini juga berperanan mengenal perbezaan tahap disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi dan efikasi secara pengajaran koperatif dari aspek pengalaman mengajar dan jantina. Dapatan kajian memberi input mengenai hubungan disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi dengan efikasi secara pengajaran koperatif guru pendidikan khas integrasi. Disposisi pemikiran kritis diukur berdasarkan tujuh subskala iaitu berfikiran terbuka, ketelitian, mencari kebenaran, sistematik, berkeyakinan diri, kematangan dan ingin tahu. Sikap secara pengajaran koperatif diukur berdasarkan tiga subskala iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. Persepsi secara pengajaran koperatif melibatkan tiga subskala iaitu hubungan interpersonal, sokongan motivasi dalam pelajaran dan bimbingan pelajaran. Efikasi secara pengajaran koperatif diukur berdasarkan tiga subskala iaitu pengurusan kelas, penglibatan murid dan pencapaian murid.

Kajian ini menggunakan reka bentuk korelasi. Seramai 190 responden iaitu guru pendidikan khas integrasi di Negeri Sembilan terlibat. Instrumen adalah berdasarkan instrumen kajian lepas dan pengubahsuaian terhadap item dilakukan agar ianya relevan dengan kajian semasa. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara deskriptif, ujian-t dan korelasi dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 21.0.

Analisis deskriptif dilakukan untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai pemboleh ubah. Analisis deskriptif menunjukkan responden mempunyai tahap . disposisi pemikiran kritis yang sederhana ( $M=2.99$ ,  $S.P.=0.160$ ). Sikap secara pengajaran koperatif pada tahap sederhana ( $M=2.96$ ,  $S.P.=0.194$ ) dan persepsi secara pengajaran koperatif juga pada tahap sederhana ( $M=3.00$ ,  $S.P.=0.240$ ). Manakala, efikasi secara pengajaran koperatif berada pada tahap tinggi ( $M=3.01$ ,  $S.P.=0.128$ ). Ini memberikan gambaran responden mempunyai motivasi dalaman untuk menggunakan kaedah pengajaran koperatif dalam proses pengajaran.

Bagi faktor pengalaman mengajar pula, analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru novis ( $M=2.52$ ,  $S.D.=0.503$ ) dengan guru berpengalaman ( $M=2.35$ ,  $S.D.=0.481$   $t=(2.244)$ ,  $P<.05$ ) bagi konstruk disposisi pemikiran kritis. Pada masa yang sama, analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru novis ( $M=2.52$ ,  $S.D.=0.504$ ) dengan guru berpengalaman ( $M=2.28$ ,  $S.D.=0.451$   $t=(3.078)$ ,  $P<.05$ ) bagi konstruk sikap secara pengajaran koperatif. Manakala, tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi konstruk persepsi secara pengajaran koperatif dan efikasi secara pengajaran koperatif. Bagi faktor jantina pula, analisis menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara guru lelaki dengan guru perempuan bagi keempat-empat konstruk yang dikaji. Keadaan ini menjelaskan bahawa jantina tidak mempengaruhi tahap disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi dan efikasi secara pengajaran koperatif guru.

Dapatan inferensi turut membuktikan terdapat korelasi yang sederhana antara disposisi pemikiran kritis dengan sikap secara pengajaran koperatif ( $r=0.443$ ,  $p=0.000$ ), persepsi secara pengajaran koperatif ( $r=0.442$ ,  $p=0.000$ ), efikasi secara pengajaran koperatif ( $r=0.477$ ,  $p=0.000$ ) dalam kalangan guru pendidikan khas integrasi. Ini menjelaskan bahawa semakin tinggi tahap disposisi pemikiran kritis, semakin baik sikap, persepsi dan efikasi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru. Kajian ini diharap dapat menjadi satu bentuk penilaian terhadap kebolehan guru mempraktikkan disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi dan efikasi guru dalam pelaksanaan pedagogi pengajaran yang efektif sekaligus menyumbang kepada keberkesanan sistem pendidikan negara khususnya bidang pendidikan khas.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE RELATIONSHIP BETWEEN CRITICAL THINKING DISPOSITION  
AND ATTITUDE, PERCEPTION AND EFFICACY THROUGH  
COOPERATIVE TEACHING AMONG SPECIAL EDUCATION  
INTEGRATION PROGRAMME TEACHERS**

By

**SURESH KUMAR A/L KUPPUSAMY**

**June 2016**

**Chairman : Associate Professor Tajularipin Sulaiman, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

The Special Education Integration Program (PPKI) is an integrative program carried out for special education students in regular daily schools. PPKI students comprise of students who have problems socially and academically due to the disadvantages that they have. Humans are not born with critical thinking, but these skills should be built and strengthened. Critical thinking comprises of skill and disposition. Teachers need to practice critical thinking disposition through the implementation of specific teaching pedagogy to improve potential of pupils.

Teachers are individuals who are directly in charge to enrich students' thinking, thus, this study focuses on identifying teacher's level of critical thinking disposition and attitude, perception and efficacy through cooperative teaching. This study also attempts to recognize any significant difference that existed for critical thinking disposition and attitude, perception, efficacy through cooperative teaching based on teaching experience and gender. The result also explained relationship between critical thinking disposition and attitude, perception, efficacy through cooperative teaching. Critical thinking disposition measured by seven subscales of open-minded, accurateness, truth-seeking, systematic, self-confidence, maturity and inquisitiveness. Attitude through cooperative teaching measured by three subscales of cognitive, affective and behavioral. Perception through cooperative teaching involves three subscales of interpersonal relationships, motivation support in studies and guidance in study. Efficacy through cooperative teaching measured by three subscales of class management, student involvement and student achievement.

This study employed correlation design. A total of 190 respondents' special education integration program teachers in Negeri Sembilan get involved. The instrument used

was constructed by previous research and modification was done in ensure they are relevant to the current study. The data were analyzed using descriptive statistics, t-test and correlation by using software Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 21.0.

Descriptive analysis was done to obtain mean and standard deviation value for each variable. Descriptive analysis showed the respondents have a moderate level of critical thinking disposition ( $M=2.99$ ,  $S.D.=0.160$ ). Attitude through cooperative teaching at moderate level ( $M=2.96$ ,  $S.D.=0.194$ ) and perception through cooperative teaching also at moderate level ( $M=3.00$ ,  $S.D.=0.240$ ). However, efficacy through cooperative teaching at high level ( $M=3.01$ ,  $S.D.=0.128$ ). This result explain the respondents have motivation to apply cooperative teaching method in their teaching.

For the teaching experience factor, the inferential analysis showed that there is significant differences between novice teachers ( $M=2.52$ ,  $S.D.=0.503$ ) and experienced teachers ( $M=2.35$ ,  $S.D.=0.481$   $t=(2.244)$ ,  $P<.05$ ) for critical thinking disposition. At the same time, inferential analysis showed that there is significant differences between novice teachers ( $M=2.52$ ,  $S.D.=0.504$ ) and experienced teachers ( $M=2.28$ ,  $S.D.=0.451$   $t=(3.078)$ ,  $P<.05$ ) for attitude through cooperative teaching. However, there is no significant difference between critical thinking disposition and perception through cooperative teaching and efficacy through cooperative teaching. For the gender factor, analysis showed there is no significant difference between male teachers and female teachers for the four construct in this study. This result exposed gender is not affects the level of critical thinking disposition and attitude, perception and efficacy through cooperative teaching.

The outcomes prove that there is a moderate correlation between critical thinking disposition and attitude through cooperative teaching ( $r=0.443$ ,  $p=0.000$ ), perception through cooperative teaching ( $r=0.442$ ,  $p=0.000$ ), efficacy through cooperative teaching ( $r=0.477$ ,  $p=0.000$ ) among special education integration program teachers. Therefore, it explained that the higher level of critical thinking disposition, the better the attitude, perception and efficacy through cooperative teaching cooperative among teachers. This study is expected to be a form of assessing the ability of teachers to practice critical thinking dispositions and attitude, perception and efficacy through cooperative teaching of teachers in the implementation of effective teaching pedagogy as well as contribute to the effectiveness of the education system, particularly the field of special education.

## PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana dengan izinNya dapat saya meneruskan perjuangan dalam mengejar arus pendidikan yang tiada hujungnya. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada beberapa pihak yang telah memberi sokongan kepada saya semasa penyelidikan ini dilakukan.

Pertama, penghargaan ditujukan istimewa buat keluarga tercinta yang sentiasa berada di sisi saya sepanjang tempoh saya menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih atas sokongan dan dorongan yang tak terhingga kepada ibu, Pn.Kamala, isteri Pn. Rajeswari dan adik beradik saya dalam menyempurnakan pengajian ini.

Keduanya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Prof.Madya Dr. Tajularipin Sulaiman dan ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Dr. Umi Khaltom yang penuh kesabaran dan telah banyak meluangkan masa dan tenaga dalam memberi idea, kritikan, bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan dorongan yang berterusan serta tidak putus memberi kata perangsang sehingga saya berjaya melengkapkan penyelidikan dan penulisan ini.

Akhir sekali, ribuan terima kasih kepada Bahagian Biasiswa KPM yang memberi kepercayaan kepada saya untuk meneruskan pengajian saya dalam tempoh yang telah ditetapkan di samping memberi bantuan kewangan yang mencukupi.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 2 Jun 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Suresh Kumar a/l Kuppusamy bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Hubungan antara Disposisi Pemikiran Kritis dengan Sikap, Persepsi dan Efikasi secara Pengajaran Koperatif dalam Kalangan Guru Pendidikan Khas Integrasi” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Nurzatulshima binti Kamarudin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Aminuddin bin Hassan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Effandi Zakaria, PhD**

Profesor Madya  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 September 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Tajularipin Sulaiman, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Umi Kalthom binti Abdul Manaf, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan / fabrikasi data dalam tesis, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Suresh Kumar a/l Kuppusamy (GS39154)

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan Tajularipin Sulaiman, PhD

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan Umi Khalthom binti Abdul Manaf, PhD

## SENARAI KANDUNGAN

Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PENGAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii

### BAB

<b>1</b>	<b>PENGENALAN</b>	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Hipotesis Kajian	6
1.7	Kerangka Teoritikal Kajian	6
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	8
1.9	Limitasi Kajian	10
1.10	Definisi Operasional	10
1.10.1	Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	10
1.10.2	Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	10
1.10.3	Disposisi Pemikiran Kritis	10
1.10.4	Pengajaran Koperatif	11
1.10.5	Sikap Secara Pengajaran Koperatif	11
1.10.6	Persepsi Secara Pengajaran Koperatif	11
1.10.7	Efikasi Secara Pengajaran Koperatif	11
1.11	Rumusan	12
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	13
2.1	Pendahuluan	13
2.2	Pemikiran Kritis	13
2.2.1	Ciri-Ciri Pemikiran Kritis	14
2.2.2	Disposisi Pemikiran Kritis	15
2.3	Pengajaran Koperatif	17
2.4	Ciri-Ciri Pengajaran Koperatif	19
2.4.1	Persandaran Positif	19
2.4.2	Interaksi Bersama	19
2.4.3	Tanggungjawab Individu	20
2.4.4	Kemahiran Berinteraksi	20
2.4.5	Penilaian Proses	20

2.5	Model-Model Pengajaran Koperatif	21
2.5.1	<i>Students Team Achievement Division</i>	21
2.5.2	<i>Teams Games Tournament</i>	21
2.5.3	<i>Team Assisted Individualization</i>	21
2.5.4	<i>Jigsaw</i>	21
2.5.5	<i>Cooperative Integrated Reading and Composition</i>	22
2.5.6	<i>Group Investigation</i>	22
2.5.7	<i>Learning Together</i>	22
2.6	Teori-Teori Pembelajaran Koperatif	22
2.6.1	Teori Persandaran Sosial	23
2.6.2	Teori Perkembangan Kognitif	23
2.6.3	Teori Behaviorisme	24
2.7	Kajian Lepas Disposisi Pemikiran Kritis	24
2.8	Perbezaan Disposisi Pemikiran Kritis Berdasarkan Pengalaman Mengajar dan Jantina	26
2.9	Kajian Lepas Sikap dan Persepsi Secara Pengajaran Koperatif	27
2.10	Kajian Lepas Efikasi Pengajaran	28
2.11	Perbezaan Efikasi Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar dan Jantina	29
2.12	Kajian Lepas Hubungan Antara Disposisi Pemikiran Kritis Dengan Sikap, Persepsi dan Efikasi Secara Pengajaran Koperatif	30
2.13	Rumusan	32
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>33</b>
3.1	Reka Bentuk Kajian	33
3.2	Populasi Kajian	33
3.3	Penentuan Saiz Sampel dan Teknik Persampelan	33
3.4	Instrumen Kajian	36
3.4.1	Bahagian A : Demografi Responden	36
3.4.2	Bahagian B : Disposisi Pemikiran Kritis	37
3.4.3	Bahagian C : Sikap Secara Pengajaran Koperatif dalam Kalangan Guru PPKI	37
3.4.4	Bahagian D : Persepsi Secara Pengajaran Koperatif Guru PPKI	37
3.4.5	Bahagian E : Efikasi Secara Pengajaran Koperatif Guru PPKI	37
3.5	Kajian Rintis	38
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen	38
3.7	Kesahan Instrumen	39
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	40
3.9	Penganalisaan Data dan Interpretasi	40
3.9.1	Analisis Data Secara Penerokaan	41
3.9.2	Analisis Statistik Deskriptif	42
3.9.3	Analisis Statistik Inferensi	43
3.10	Ujian Taburan Kenormalan Data	43
3.11	Rumusan	45
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>46</b>
4.1	Profil Responden	46
4.2	Disposisi Pemikiran Kritis	48

4.2.1	Ingin Tahu	48
4.2.2	Berfikiran Terbuka	49
4.2.3	Sistematik	50
4.2.4	Ketelitian	50
4.2.5	Mencari Kebenaran	51
4.2.6	Berkeyakinan Diri	52
4.2.7	Kematangan	52
4.2.8	Tahap Disposisi Pemikiran Kritis	53
4.3	Sikap Secara Pengajaran Koperatif	54
4.3.1	Kognitif	54
4.3.2	Afektif	54
4.3.3	Tingkah Laku	55
4.3.4	Tahap Sikap Secara Pengajaran Koperatif	56
4.4	Persepsi Secara Pengajaran Koperatif	56
4.4.1	Hubungan Interpersonal	57
4.4.2	Sokongan Motivasi dalam Pelajaran	57
4.4.3	Bimbingan Pelajaran	58
4.4.4	Tahap Persepsi Secara Pengajaran Koperatif	59
4.5	Efikasi Secara Pengajaran Koperatif	59
4.5.1	Pengurusan Kelas	59
4.5.2	Penglibatan Murid	60
4.5.3	Pencapaian Murid	61
4.5.4	Tahap Efikasi Secara Pengajaran Koperatif	61
4.6	Perbezaan Disposisi Pemikiran Kritis dan Sikap, Persepsi, Efikasi Secara Pengajaran Koperatif Berdasarkan Pengalaman	62
4.7	Perbezaan Disposisi Pemikiran Kritis dan Sikap, Persepsi, Efikasi Secara Pengajaran Koperatif Berdasarkan Jantina	63
4.8	Hubungan Antara Disposisi Pemikiran Kritis dengan Sikap, Persepsi, Efikasi Secara Pengajaran Koperatif	64
4.9	Rumusan	
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>67</b>
5.1	Pendahuluan	67
5.2	Perbincangan	67
5.2.1	Tahap Disposisi Pemikiran Kritis	67
5.2.2	Sikap Secara Pengajaran Koperatif	68
5.2.3	Persepsi Secara Pengajaran Koperatif	69
5.2.4	Efikasi Secara Pengajaran Koperatif	70
5.2.5	Perbezaan Disposisi Pemikiran Kritis dan Sikap, Persepsi, Efikasi Secara Pengajaran Koperatif Berdasarkan Pengalaman Mengajar	71
5.2.6	Perbezaan Disposisi Pemikiran Kritis dan Sikap, Persepsi, Efikasi Secara Pengajaran Koperatif Berdasarkan Jantina	72
5.2.7	Hubungan Antara Disposisi Pemikiran Kritis dengan Sikap, Persepsi, Efikasi Secara Pengajaran Koperatif	73
5.3	Kesimpulan	74
5.4	Implikasi Kajian	75
5.5	Cadangan Kajian	76
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	76

5.7	Rumusan	77
	<b>RUJUKAN</b>	78
	<b>LAMPIRAN</b>	87
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	102



© COPYRIGHT UPM



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
3.1 Nisbah sampel kajian mewakili daerah Negeri Sembilan	35
3.2 Bahagian dalam instrumen soal selidik	36
3.3 Kebolehpercayaan instrumen kajian	39
3.4 Analisis statistik bagi persoalan kajian	41
3.5 Interpretasi min skala likert	42
3.6 Indeks korelasi	43
4.1 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina	46
4.2 Taburan kekerapan dan peratusan mengikut kategori bangsa	46
4.3 Taburan kekerapan dan peratusan mengikut umur	47
4.4 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut tahap akademik	47
4.5 Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar	48
4.6 Analisis item subskala ingin tahu	49
4.7 Analisis item subskala berfikiran terbuka	49
4.8 Analisis item subskala sistematik	50
4.9 Analisis item subskala ketelitian	51
4.10 Analisis item subskala mencari kebenaran	51
4.11 Analisis item subskala berkeyakinan diri	52
4.12 Analisis item subskala kematangan	53
4.13 Tahap Disposisi Pemikiran Kritis	53
4.14 Analisis item subskala kognitif	54
4.15 Analisis item subskala afektif	55
4.16 Analisis item subskala tingkah laku	56

4.17	Tahap sikap Secara Pengajaran Koperatif	56
4.18	Analisis item subskala hubungan interpersonal	57
4.19	Analisis item subskala sokongan motivasi dalam pelajaran	58
4.20	Analisis item subskala bimbingan pelajaran	58
4.21	Tahap persepsi secara pengajaran koperatif	59
4.22	Analisis item subskala pengurusan kelas	60
4.23	Analisis item subskala penglibatan murid	60
4.24	Analisis item subskala pencapaian murid	61
4.25	Tahap efikasi secara pengajaran koperatif	61
4.26	Analisis disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi, efikasi secara pengajaran koperatif berdasarkan pengalaman mengajar	62
4.27	Analisis disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi, efikasi secara pengajaran koperatif berdasarkan jantina	64
4.28	Korelasi antara disposisi pemikiran kritis dengan sikap, persepsi dan efikasi secara pengajaran koperatif	65

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1.1	Kerangka teoritikal kajian	8
1.2	Kerangka konseptual kajian	9
3.1	<i>Normal Q-Q plot</i> bagi konstruk disposisi pemikiran kritis	44
3.2	<i>Normal Q-Q plot</i> bagi konstruk sikap secara pengajaran koperatif	44
3.3	<i>Normal Q-Q plot</i> bagi konstruk persepsi secara pengajaran koperatif	44
3.4	<i>Normal Q-Q plot</i> bagi konstruk efikasi secara pengajaran koperatif	44

## SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
SPSS	<i>Statistical Package For Social Sciences</i>
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
APD	Analisis Penerokaan Data
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Surat Kelulusan BPPDP, KPM	87
B Surat Kelulusan JPNS	88
C Surat Pelantikan Pakar Penilai Instrumen Kajian	89
D Soal Selidik	91
E Memo Penerimaan Artikel untuk Diterbitkan	100



## BAB 1

### 1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan negara telah memberi penekanan khusus kepada kepentingan pendidikan individu-individu keperluan khas tanpa mengira jenis kekurangan yang mereka miliki. Tumpuan khusus diberikan adalah dalam bentuk pendidikan dan pembelajaran, terutamanya bagi mereka yang boleh dididik. Ia bertujuan untuk memberi persediaan kepada mereka dalam menghadapi masa depan dengan lebih yakin dan sempurna. Misi Kementerian Pendidikan Malaysia juga menekankan pembangunan sistem pendidikan yang berkualiti bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara.

Ia selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dimana dalam anjakan pertama berfokus menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa. Dalam anjakan ini, pendidikan khas diberi penekanan khusus dalam meningkatkan pelaburan bagi sumber fizikal dan pengajaran kepada murid dengan keperluan khas (PPPM, 2013). Pendidikan khas diberi bantuan tambahan supaya mereka dapat menikmati peluang seperti murid lain. Antara kemudahan yang akan disediakan ialah guru yang berkualiti, ahli terapi, pembantu guru dan kemudahan peralatan lengkap yang bersesuaian dengan murid keperluan khas.

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Malaysia adalah satu usaha yang bertujuan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang serta produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (Bahagian Pendidikan Khas, 2012). Matlamat pendidikan khas adalah untuk menyediakan pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan unik kanak-kanak keperluan khas. Pendidikan bukan sekadar untuk meningkatkan pencapaian kognitif malah membantu murid PPKI agar dapat menikmati cara hidup seperti kanak-kanak normal.

Menurut Bahagian Pendidikan Khas (2012), kanak-kanak bermasalah pembelajaran ialah kanak-kanak yang dikenal pasti dan disahkan oleh pakar perubatan sebagai mengalami kecacatan yang mengganggu proses pembelajaran. Kanak-kanak ini ditempatkan di sekolah-sekolah yang menawarkan program pendidikan khas bercantum dengan sekolah harian biasa yang dikenali sebagai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Di Malaysia, kategori murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) merangkumi murid yang mempunyai masalah kesukaran bertutur, kurang upaya fizikal, kurang upaya pelbagai dan masalah pembelajaran spesifik seperti autisme, sindrom down, ADHD (Attention Deficit Hyperactivity Disorder) dan disleksia (PPPM, 2013).

Dalam mencapai visi dan misi pendidikan khas, guru-guru pendidikan khas integrasi (PPKI) harus berusaha lebih berserta dengan kebolehan intelektual yang positif bagi menghadapi dan menyelesaikan cabaran dalam bidang pendidikan khas bagi meningkatkan pencapaian murid PPKI.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan khas adalah satu bidang pendidikan yang penuh cabaran. Guru merupakan aset yang amat penting dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan. Guru memerlukan motivasi dalaman yang tinggi untuk mengajar murid pendidikan khas dengan penuh yakin. Guru juga harus merancang pengajaran secara teliti supaya dapat mencapai objektif pelajaran. Pada masa yang sama, guru harus beri perhatian khusus dalam penggunaan kaedah pengajaran supaya bersesuaian dengan tahap pelajaran murid di dalam kelasnya.

Istilah disposisi pemikiran kritis telah digunakan oleh ramai penyelidik untuk menggambarkan sikap, kebolehan, persepsi, kepercayaan dan lain-lain yang menjadi asas tingkah laku. Menurut Borko, Liston dan Whitcomb (2007), pengetahuan kandungan dan kemahiran pedagogi tidak memadai bagi seorang guru, malah mereka memerlukan disposisi pemikiran kritis terhadap kerja untuk menjadi seorang guru yang efektif. Disposisi pemikiran kritis adalah kebolehan intelektual seseorang dan ia berubah mengikut keadaan dan juga persepsi masing-masing (Facione, 2013). Manusia tidak dilahirkan dengan pemikiran kritis, sebaliknya kemahiran ini perlu dibina dan diserlahkan (Tajularipin Sulaiman, Azlida Mohamad, Roselan Baki & Borhannudin Abdullah, 2014). Disposisi pemikiran kritis guru secara langsung mempengaruhi amalan, kelakuan dan sikap seseorang guru (Sockett, 2009). Aspek ini memberi kesan kepada cara pengajaran guru, cara bagaimana guru menghadapi masalah dan menyelesaikannya serta penerimaan murid.

Kaedah pengajaran berpusatkan murid memberi peluang kepada para murid untuk berinteraksi, bersosial, bertukar idea dan pandangan. Murid-murid PPKI harus diberikan kebebasan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas supaya mereka lebih aktif dan menyerlah. Menurut Kamarun Tarim (2009), kaedah pengajaran koperatif adalah satu kaedah pengajaran yang terbaik yang harus dipraktikkan di sekolah kerana kaedah ini telah mengintegrasikan pembelajaran masteri, mengaplikasikan teori kecerdasan pelbagai, kemahiran berfikir, kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja kumpulan serta kemahiran bersosial. Murid PPKI yang jelas mempamerkan tahap pencapaian akademik yang rendah, masalah tingkah laku dan emosi, kekurangan kemahiran sosial (Emey & Vandenberg, 2010) memerlukan kaedah pengajaran yang sesuai untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka. Maka, kaedah pengajaran koperatif merupakan salah satu kaedah pengajaran yang boleh digunakan oleh guru-guru PPKI dalam meningkatkan pencapaian akademik dan kemahiran sosial murid PPKI.

Persepsi yang dibawa oleh guru akan mempengaruhi murid, dimana kajian lepas mendapati pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru didapati mempunyai

hubungan dengan persepsi pengajaran guru (Lotter, Harwood & Bonner, 2007). Oleh itu, guru-guru memainkan pengaruh yang signifikan ke atas pembangunan murid. Persepsi guru dalam gaya atau kaedah pengajaran adalah penting untuk merealisasikan amalan pengajaran mereka. Sikap guru juga memainkan peranan penting. Sikap terbentuk hasil daripada pembelajaran dan pengalaman, yang berkembang di dalam tempoh masa yang tertentu (Oruc, 2011). Canbay dan Berecen (2012) menyatakan sikap guru memberi kesan kepada prestasi murid. Mereka juga menjelaskan bahawa guru yang mempunyai sikap positif terhadap kaedah atau gaya pengajaran tertentu akan menjadikan sesi pengajaran mereka menarik, menyeronokkan dan mudah difahami disebabkan semangat yang ada pada diri mereka. Maka, secara jelasnya dapat dilihat bahawa sikap guru terhadap kaedah pengajaran akan mempengaruhi prestasi murid.

Guru PPKI harus membina sikap dan persepsi yang baik terhadap kaedah pengajaran koperatif. Ini kerana sikap dan persepsi guru PPKI akan menentukan sama ada mereka akan menggunakan kaedah pengajaran ini dalam pengajaran mereka atau tidak. Guru-guru perlu didedahkan dengan kebaikan pengajaran koperatif supaya dapat membina sikap dan persepsi yang positif dalam diri mereka. Menurut Hennessey dan Dionigi (2013), sikap guru akan menentukan keberkesanan amalan pengajaran dalam bilik darjah dan pencapaian. Apa yang pastinya disini, guru-guru PPKI haruslah menggunakan kepekaan untuk melihat kelemahan berkaitan kaedah pengajaran tertentu, disamping itu memperbaiki kelemahan serta memantapkan kekuatannya.

Gibson dan Dembo (1984) menyatakan guru yang mempunyai efikasi pengajaran tinggi lebih bebas dan fleksibel mengendalikan kumpulan kecil dalam pengajarannya di bilik darjah, luang lebih banyak masa memantau kerja murid dan lebih banyak masa diluahkan untuk membuat perancangan dan persediaan sebelum mengajar. Guru yang mempunyai efikasi tinggi, memiliki ciri-ciri guru yang dinamik seperti menggunakan pelbagai kaedah pengajaran, sentiasa berusaha mencari sumber-sumber baru dan lebih banyak membina pembelajaran yang lebih mencabar (Tschannen-Moran & Woolfolk-Hoy, 2001). Kesan daripada efikasi tinggi ini akan menjadikan guru lebih berkeyakinan dalam pengajarannya. Efikasi pengajaran guru memberi sumbangan yang signifikan kepada pencapaian murid dari segi akademik dan bukan akademik. Penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai oleh guru dapat mengatasi masalah-masalah yang timbul di dalam kelasnya. Maka, kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap dan keupayaan murid PPKI perlu dikenal pasti bagi membolehkan efikasi pengajaran guru dapat dipertingkatkan.

Dalam konteks pengajaran pendidikan khas, guru PPKI tidak boleh menganggap murid-murid PPKI ini memberikan masalah kepada mereka malah jika murid-murid PPKI ini diberi peluang yang sama seperti murid-murid normal, mereka juga dapat menunjukkan kebolehan tersendiri yang ada pada mereka berdasarkan potensi mereka (Harrison, Bunford, Evans & Owens, 2013). Justeru itu, guru-guru PPKI harus mempunyai tanggapan yang positif terhadap kebolehan murid-murid PPKI.



### 1.3 Pernyataan Masalah

Laporan daripada PPPM 2013 - 2025 (2012) mendapati kualiti guru merupakan faktor berasaskan sekolah yang paling signifikan dalam menentukan keberhasilan murid. Ini menjelaskan bahawa keberkesanan pengajaran guru merupakan penyumbang utama dalam melahirkan murid yang cemerlang akademiknya berbanding penyumbang berasaskan sekolah yang lain seperti suasana sekolah. Kajian pada tahun 2011 menunjukkan hanya 50 peratus pengajaran yang disampaikan dengan berkesan kepada murid dan selebihnya iaitu 50 peratus menerangkan ketidakberkesanan pengajaran guru. Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa kualiti penyampaian pengajaran guru di Malaysia adalah sederhana dan perlu ditingkatkan bagi memastikan keberkesanan pemerolehan ilmu.

Di sekolah, kebanyakan guru masih mengekalkan cara pengajaran konvensional berpusatkan guru. Noraini (2010) menjelaskan bahawa guru pendidikan khas kurang dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran seperti inkuiri, koperatif dan konstruktivisme. Tambahan mereka lagi, tugas guru dalam pengajaran murid pendidikan khas bukan sekadar memberi penerangan dan meminta murid menyalin nota sebaliknya tujuan utama pengajaran murid pendidikan khas adalah bagi memastikan murid berasa seronok dengan pembelajaran mereka. Pendekatan pengajaran konvensional yang melibatkan murid secara pasif dalam proses pemerolehan ilmu sama sekali tidak menggalakkan mereka berfikir (Mohamad, Rahim, Sulaiman & Baki, 2015). Kaedah pengajaran konvensional dilihat hanya mengutamakan aspek penguasaan kandungan berbanding kaedah pengajaran aktif yang memberi penekanan secara menyeluruh dalam pembangunan kemahiran kognitif dan komunikasi murid. Murid-murid PPKI biasanya kurang berkomunikasi, tidak bertanya banyak soalan serta tidak memberikan respon positif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (Bishop, Brownell, Klingner, Menon, Leko & Galman, 2010). Maka, kaedah pengajaran konvensional tidak dapat membantu murid PPKI untuk meningkatkan kemahiran sosial, komunikasi dan kemahiran berfikir. Ini bermakna, murid memerlukan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan kelemahan dan keperluan mereka. Kesimpulannya, kaedah pengajaran konvensional adalah kurang berkesan kerana ia tidak menitikberatkan penglibatan aktif murid dalam proses pemerolehan ilmu.

Kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan murid-murid PPKI harus digunakan supaya dapat menarik minat murid terhadap pelajaran dan tidak mudah bosan. Didapati guru-guru baru yang berpengalaman kurang daripada lima tahun menghadapi masalah dalam mengajar murid-murid PPKI yang terdiri daripada pelbagai kategori masalah di dalam kelas yang sama (Bishop *et al.*, 2010). Guru baru yang ditempatkan di sekolah selalunya menghadapi masalah di awal kerjayanya kerana tidak mampu mengaplikasikan ilmu dan teori-teori yang dipelajarinya semasa di IPG dan IPTA dalam situasi yang sebenar (Zuhairah & Zamri, 2010). Mereka kurang mahir menyediakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih spesifik mengikut masalah murid. Guru-guru novis yang hanya mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada lima tahun banyak menghadapi kesukaran dalam melaksanakan pengajaran di kelas berbanding dengan guru yang berpengalaman (Zuhairah & Zamri, 2010). Kesimpulannya, guru baru menghadapi masalah dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut kesesuaian murid di dalam kelasnya.

Kaedah pengajaran berkumpulan adalah satu kaedah yang digunakan oleh guru untuk memanfaatkan semua murid dalam kumpulan untuk menguasai isi pelajaran. Pengalaman sebilangan guru PPKI semasa menjalankan kaedah pembelajaran berkumpulan, mereka dapati segelintir murid tidak mengambil bahagian dan akhirnya hanya murid-murid tertentu sahaja mendapat faedah. Semasa pengajaran berkumpulan, murid PPKI mempamerkan masalah dari segi tingkah laku, tidak menumpukan perhatian dan tidak bermotivasi menyebabkan guru PPKI sukar menjalankan pengajaran dengan berkesan (Trzcinka & Grskovic, 2011). Lantaran itu, guru PPKI mempunyai sikap dan persepsi negatif terhadap kaedah pembelajaran berkumpulan. Persepsi dan sikap negatif guru-guru PPKI terhadap kaedah pengajaran berkumpulan menyebabkan mereka tidak cenderung menggunakan kaedah tersebut semasa sesi pengajaran malah lebih berfokuskan kepada kaedah pengajaran secara individu.

Perubahan yang pesat dan inovasi dalam pendidikan masa kini menuntut kepada efikasi pengajaran guru yang tinggi. Murid-murid PPKI memiliki pelbagai masalah pembelajaran dari segi kemampuan belajar, kemampuan intelek, kemampuan emosi, masalah tingkah laku, masalah emosi serta mempunyai minat dan bakat yang berbeza (Abd.Halim, 2009). Maka, ramai guru menghadapi masalah dan kesulitan dalam beberapa aspek penting berkaitan pengajaran dan pembelajaran seperti kaedah pengajaran, teknik interaksi, aktiviti murid, bahan perancangan pengajaran, penerapan nilai-nilai murni, alat bantu mengajar dan penilaian kandungan. Menurut Emery dan Vandenberg (2010), guru-guru pendidikan khas adalah kumpulan yang berisiko tinggi, mempunyai efikasi pengajaran yang rendah dan mengalami tekanan yang meningkat. Akibatnya, guru pendidikan khas mempunyai tahap konflik, tekanan dan kekecewaan kerja yang lebih tinggi. Efikasi pengajaran guru PPKI yang rendah boleh menyebabkan guru PPKI tidak berminat untuk mengajar dan pengajaran mereka tidak memberi sebarang kesan positif kepada murid PPKI.

#### **1.4 Objektif Kajian**

1. Mengetahui tahap disposisi pemikiran kritis dalam kalangan guru PPKI.
2. Mengetahui sikap secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI.
3. Mengetahui persepsi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI.
4. Mengetahui tahap efikasi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI.
5. Membandingkan tahap disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi, efikasi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI berdasarkan pengalaman mengajar dan jantina.
6. Mengetahui hubungan antara disposisi pemikiran kritis dengan sikap secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI.
7. Mengetahui hubungan antara disposisi pemikiran kritis dengan persepsi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI.
8. Mengetahui hubungan antara disposisi pemikiran kritis dengan efikasi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI.

## 1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap disposisi pemikiran kritis dalam kalangan guru PPKI ?
2. Apakah sikap secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI?
3. Apakah persepsi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI?
4. Apakah tahap efikasi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI?
5. Adakah terdapat perbezaan signifikan tahap disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi, efikasi secara pengajaran koperatif guru PPKI dari aspek pengalaman mengajar?
6. Adakah terdapat perbezaan signifikan tahap disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi, efikasi secara pengajaran koperatif guru PPKI dari aspek jantina?
7. Adakah terdapat hubungan signifikan antara disposisi pemikiran kritis dengan sikap secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI?
8. Adakah terdapat hubungan signifikan antara disposisi pemikiran kritis dengan persepsi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI?
9. Adakah terdapat hubungan signifikan antara disposisi pemikiran kritis dengan efikasi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI ?

## 1.6 Hipotesis Kajian

- H<sub>01a</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap disposisi pemikiran kritis guru PPKI dari aspek pengalaman mengajar.
- H<sub>01b</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap secara pengajaran koperatif guru PPKI dari aspek pengalaman mengajar.
- H<sub>01c</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi secara pengajaran koperatif guru PPKI dari aspek pengalaman mengajar.
- H<sub>01d</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi secara pengajaran koperatif guru PPKI dari aspek pengalaman mengajar.
- H<sub>02a</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap disposisi pemikiran kritis guru PPKI dari aspek jantina.
- H<sub>02b</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap secara pengajaran koperatif guru PPKI dari aspek jantina.
- H<sub>02c</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi secara pengajaran koperatif guru PPKI dari aspek jantina.
- H<sub>02d</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi secara pengajaran koperatif guru PPKI dari aspek jantina.
- H<sub>03</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara disposisi pemikiran kritis dengan sikap secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI.
- H<sub>04</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara disposisi pemikiran kritis dengan persepsi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI.
- H<sub>05</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara disposisi pemikiran kritis dengan efikasi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI.


## 1.7 Kerangka Teoritik Kajian

Kerangka teori kajian yang dibina berdasarkan empat konstruk iaitu konstruk disposisi pemikiran kritis yang dibangunkan oleh Facione dan Facione (1992) dan konstruk sikap, persepsi dan efikasi secara pengajaran koperatif yang dibentuk

berdasarkan Model Proses Pendidikan Bryant (1974) seperti dalam Rajah 1.1. Facione dan Facione (1992) menjelaskan bahawa disposisi pemikiran kritis perlu dilihat dalam dua dimensi iaitu kemahiran dan disposisi. Kemahiran kognitif semata-mata tidak memadai justeru, kesanggupan, kemampuan, kesediaan yang konsisten, motivasi atau kecenderungan turut berperanan dalam usaha ke arah keberkesanan pemikiran kritis. Secara dasarnya, domain afektif iaitu disposisi pemikiran kritis diukur bagi mengenal pasti hubungannya terhadap sikap, persepsi, efikasi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI di Negeri Sembilan.

Model Proses Pendidikan Bryant diperkenalkan pada tahun 1974. Model ini menyatakan terdapat empat faktor utama yang menentukan keberkesanan dalam amalan pendidikan. Model ini menerangkan bahawa terdapat empat kategori yang memberi kesan kepada pencapaian yang umumnya adalah ukuran bagi kejayaan. Kategori pertama adalah sebagai input dari individu yang terdiri dari faktor latar belakang, faktor kebolehan dan sifat peribadi. Kategori kedua merupakan proses pendidikan yang merangkumi faktor-faktor seperti aktiviti pembelajaran, suasana bilik darjah, kemudahan di sekolah, jenis sekolah dan jenis kurikulum. Kategori ketiga merangkumi sikap, motivasi, aspirasi dan harapan dan dinamakan juga sebagai unsur perantaraan yang akan menentukan kejayaan individu. Selain dari tiga kategori ini, mungkin terdapat faktor-faktor lain yang tidak diketahui yang mempengaruhi kejayaan yang mana kategori ini dinamakan sebagai pengaruh lain.

Model Proses Pendidikan Bryant (1974) berkait rapat dengan Teori Persandaran Sosial, Teori Perkembangan Kognitif dan Teori Behaviorisme. Teori Persandaran Sosial dan Teori Perkembangan Kognitif berkait rapat dengan aspek dalam kategori pertama model ini. Kategori pertama yang menekankan latar belakang individu seperti status sosioekonomi dan kemahiran interaksi secara langsung mempengaruhi kemahiran sosial individu sama ada dipengaruhi atau mempengaruhi individu yang lain. Manakala, faktor kebolehan dan sifat semulajadi seperti kemahiran kognitif, aptitud, jantina dan umur akan menentukan atau mempengaruhi tahap kognitif individu. Kategori ketiga dalam model ini menekankan Teori Behaviorisme. Dalam kategori ketiga ini, kelakuan individu dinilai mengikut sikap, motivasi, aspirasi dan harapan yang ditunjukkan oleh individu itu sendiri dari segi kelakuan mereka. Teori-teori ini diterangkan secara terperinci dalam bab dua. Kesimpulannya, Model Proses Pendidikan Bryant (1974) sesuai diketengahkan dalam kajian ini.



**Rajah 1.1: Kerangka teori kajian**


### 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini melibatkan empat konstruk iaitu disposisi pemikiran kritis, sikap secara pengajaran koperatif, persepsi secara pengajaran koperatif dan efikasi secara pengajaran koperatif. Disposisi pemikiran kritis didefinisikan sebagai motivasi dalaman untuk berfikir secara kritis apabila berhadapan dengan proses penyelesaian masalah, menilai idea atau membuat keputusan. Disposisi pemikiran kritis diukur berdasarkan tujuh subskala iaitu ketelitian, berfikiran terbuka, kematangan, ingin tahu, mencari kebenaran, sistematik dan berkeyakinan diri. Pengajaran koperatif pula merujuk kepada sikap secara pengajaran koperatif yang diukur berdasarkan tiga subskala iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku, persepsi secara pengajaran koperatif diukur berdasarkan tiga subskala iaitu hubungan interpersonal, sokongan motivasi dalam pelajaran dan bimbingan pelajaran, serta efikasi secara pengajaran koperatif diukur berdasarkan tiga subskala iaitu pencapaian murid, penglibatan murid dan pengurusan kelas.

Kerangka konseptual kajian ini dibentuk berdasarkan konstruk disposisi pemikiran kritis yang dibangunkan oleh Facione dan Facione (1992) dan konstruk sikap, persepsi dan efikasi secara pengajaran koperatif yang dibentuk berdasarkan Model Proses Pendidikan Bryant (1974). Kerangka konseptual kajian seperti dalam Rajah 1.2 menunjukkan objektif kajian secara keseluruhan. Pertamanya ialah mengenal pasti tahap disposisi pemikiran kritis guru PPKI. Keduanya mengenal pasti sikap secara pengajaran koperatif guru PPKI. Ketiganya, mengenal pasti persepsi secara pengajaran koperatif guru PPKI. Keempat pula mengenal pasti efikasi secara pengajaran koperatif guru PPKI. Kelima pula, mengenal pasti adakah faktor demografi iaitu pengalaman mengajar dan jantina memberi perbezaan signifikan terhadap disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi, efikasi secara pengajaran koperatif. Akhir sekali, penyelidik mengenal pasti sejauh mana kekuatan korelasi

antara disposisi pemikiran kritis dengan sikap, persepsi dan efikasi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI.

Kerangka konseptual ini menjangkakan terdapat perbezaan min disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi, efikasi secara pengajaran koperatif dengan faktor pengalaman dan jantina. Ini menjelaskan bahawa guru baru dan guru berpengalaman serta guru lelaki dan guru perempuan mempunyai perbezaan yang signifikan dari segi disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi, efikasi secara pengajaran koperatif. Selain itu, kerangka konseptual kajian turut menjangkakan terdapat hubungan yang signifikan antara disposisi pemikiran kritis dengan sikap, persepsi dan efikasi secara pengajaran koperatif. Ini menerangkan bahawa semakin tinggi disposisi pemikiran kritis guru PPKI semakin tinggi atau positif sikap, persepsi dan efikasi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI. Kesimpulannya, disposisi pemikiran kritis memainkan peranan penting dalam meningkatkan sikap, persepsi, efikasi secara pengajaran koperatif dalam kalangan guru PPKI.



**Rajah 1.2 : Kerangka konseptual kajian**

## **1.9 Limitasi Kajian**

Kajian ini melibatkan guru-guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang mengajar di Negeri Sembilan sahaja. Kajian ini hanya memfokuskan guru PPKI yang mengajar di sekolah rendah sahaja. Dalam kajian ini guru novis merujuk kepada guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada lima tahun manakala guru berpengalaman merujuk kepada guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi lima tahun.

## **1.10 Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan beberapa istilah seperti berikut:

### **1.10.1 Program Pendidikan Khas Integrasi ( PPKI)**

Menurut tafsiran Akta Pendidikan 1996, kanak-kanak bermasalah pembelajaran yang dimaksudkan ialah mereka yang ada masalah kognitif yang dianggap boleh diajar serta boleh mendapat manfaat pendidikan formal. Kanak-kanak bermasalah pembelajaran adalah mereka yang telah dikenal pasti dan disahkan oleh pakar perubatan sebagai mengalami kurang upaya atau kurang upaya yang mengganggu kelangsungan proses pembelajaran biasa. Kanak-kanak bermasalah pembelajaran ini ditempatkan di sekolah harian biasa di bawah Program Pendidikan Khas Integrasi (Bahagian Pendidikan Khas, 2012). Program pendidikan khas integrasi merupakan satu program percantuman di sekolah harian biasa dan diselia oleh Jabatan Pendidikan Khas.

### **1.10.2 Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)**

Guru-guru yang mengajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dikenali sebagai guru-guru PPKI. Guru-guru ini dilatih khas untuk mengajar kanak-kanak yang memerlukan pendidikan khas (Bahagian Pendidikan Khas, 2012). Guru-guru ini telah menerima latihan khusus tentang psikologi, kaedah pengajaran, kaedah penilaian dan ilmu-ilmu yang lain berkaitan kanak-kanak bekeperluan khas. Dalam kajian ini guru PPKI adalah difokuskan kepada guru yang mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah rendah di Negeri Sembilan sahaja.

### **1.10.3 Disposisi Pemikiran Kritis**

Disposisi pemikiran kritis adalah kecenderungan seseorang dalam menggunakan tujuh jenis kebolehan intelektual dalam kehidupan peribadi dan dalam kerjaya. Kecenderungan ingin tahu, berfikiran terbuka, sistematik, teliti, mencari kebenaran, berkeyakinan dan matang adalah tujuh jenis kebolehan intelektual yang dimaksudkan pemikiran kritis disposisi oleh Persatuan Psikologi Amerika (Facione dan Facione, 1992). Dalam konteks kajian ini, disposisi pemikiran kritis guru akan dinilai menggunakan tujuh subskala disposisi pemikiran kritis. Ia adalah ingin tahu, berfikiran terbuka, sistematik, ketelitian, mencari kebenaran, berkeyakinan dan matang.

#### **1.10.4 Pengajaran koperatif**

Johnson dan Johnson (2009), menyatakan sekadar murid bekerja secara kumpulan, belum tentu lagi ia mencerminkan pengajaran koperatif. Pengajaran koperatif adalah pengajaran secara kumpulan yang menekankan kepada lima ciri asas iaitu persandaran positif, interaksi bersemuka, tanggungjawab individu, kemahiran interaksi dan penilaian proses (Johnson, Johnson & Holubec, 1994). Dalam konteks kajian ini, pengajaran koperatif didefinisikan sebagai pengajaran secara kumpulan dengan kumpulan murid daripada pelbagai kategori masalah. Ia bersandarkan kepada konsep bantu-membantu dalam menyiapkan tugas di samping bertujuan meningkatkan kefahaman dan mencapai matlamat kumpulan.

#### **1.10.5 Sikap Secara Pengajaran Koperatif**

Dalam konteks perguruan, profesionalisme seseorang guru adalah dinilai dari aspek seperti sikap. Sikap boleh juga berbentuk positif dan negatif. Sikap dilihat sebagai kesediaan seseorang untuk bertindak terus tetapi dimantapkan dengan niat yang menandakan terbentuknya kesan tertentu. Menurut Ma'rof Redzuan (2011), sikap adalah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu dalam memberi nilai terhadap sesuatu atau sebaliknya. Dalam konteks kajian ini, sikap merupakan kecenderungan guru untuk menyokong atau menentang sesuatu tanggapan. Sikap guru terhadap kaedah pengajaran koperatif dinilai berdasarkan subskala afektif, kognitif dan tingkah laku.

#### **1.10.6 Persepsi Secara Pengajaran Koperatif**

Persepsi merupakan interpretasi tentang apa yang diinderakan dan dirasakan oleh individu. Persepsi juga didefinisikan sebagai proses tafsiran dan pemahaman individu tentang dunia sekitarnya. Proses menginterpretasikan ini biasanya dipengaruhi oleh pengalaman dan proses belajar individu. Setiap individu memberikan erti yang berbeza walaupun objek yang sama. Cara individu melihat situasi seringkali lebih penting daripada situasi itu sendiri (Ma'rof Redzuan, 2011). Dalam konteks kajian ini, persepsi guru PPKI dalam kaedah pengajaran koperatif dikaji berdasarkan tiga subskala iaitu subskala bimbingan pelajaran, hubungan interpersonal dan sokongan motivasi dalam pelajaran.

#### **1.10.7 Efikasi Secara Pengajaran Koperatif**

Efikasi adalah kepercayaan seseorang terhadap kebolehan dirinya untuk melakukan sesuatu (Bandura, 2003). Sojung Seo dan Hyunkjun (2013) menjelaskan konsep keyakinan sebagai perasaan jaminan diri iaitu perasaan bahawa beberapa tugas mungkin boleh disempurnakan melalui pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki, tanpa perlu minta bantuan daripada orang lain. Dalam konteks kajian ini, efikasi pengajaran guru bermaksud kepercayaan seseorang guru terhadap kebolehan beliau dalam melaksanakan pengajaran koperatif dengan memfokuskan kepada penglibatan murid, pengurusan kelas dan pencapaian murid di dalam kelasnya.



### **1.11 Rumusan**

Bab ini menjelaskan latar belakang kajian berkaitan disposisi pemikiran kritis dan sikap, persepsi, efikasi secara pengajaran kooperatif dalam kalangan guru PPKI. Bab ini menerangkan secara terperinci pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis, kepentingan kajian, limitasi kajian serta definisi operasi.



## RUJUKAN

- Ab.Halim. (2009). *Tahap kecekapan guru-guru pendidikan khas bermasalah pembelajaran dalam pengurusan dan pengajaran Kelas PKBP*. (Tesis kedoktoran tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abd. Rahim, Mohd. Majid Konting, Rashid Jamian, & Novel Lyndon. (2008). Teaching efficacy of University Putra Malaysia trainee teachers in teaching Malay Language as a first language. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 16(1), 1-14.
- Abdullah, Abdulkadir Tuna, & Lutfi Incikabi. (2013). An investigation of critical thinking disposition of mathematics teacher. *Educational Research*, 4(2), 109-117.
- Abitt. (2011). Computer literacy: Changes for teacher education. *Journal of Teacher Education*, 34 (5), 6-9.
- Anantha Kumar. (2012). Does constructivist approach applicable to achieve meaningful learning in science?. *Asia-Pacific Forum on Learning and Teaching*, 13(1), 23-44.
- Arrah, R. O., & Swain, K. D. (2014). Teachers' perception of student with special education needs in cameroon secondary schools. *International Journal of Special Education*, 29(3), 101-110.
- Awg Kasmurie Awg Kitot. (2011). *Keberkesanan pengajaran koperatif dalam meningkatkan pemikiran kritis dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran sejarah*. (Tesis tidak diterbitkan).Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azizi Yahya & Zurihanmi zakaria. (2005). *Aplikasi kognitif dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Azlida Mohamad. (2015). *Hubungan antara disposisi pemikiran kritis dengan gaya pengajaran inkuiri dalam kalangan guru sains daerah Hulu Langat*. (Tesis tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Bahagian Pendidikan Khas. (1994). *Maklumat pendidikan khas*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2012). *Maklumat pendidikan khas*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Khas (2015). *Buku Panduan Pendidikan Khas Integrasi*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ben-Chain, D., Ron, S., & Zoller, U. (2000). The disposition of eleventh-grade science students towards critical thinking. *Journal of Science Education and Technology*, 9(2), 149-159.

- Bishop, A. G., Brownell, M. T., Klingner, J. K., Menon, S., Galman, S., & Leko, M. (2010). Understanding the influence of personal attributes, preparation and school environment on beginning special education teachers' classroom practices during reading instruction. *Learning Disability Quarterly*, 33, 75-93.
- Bloch, J., & Spataro, S.E. (2014). Cultivating critical-thinking dispositions through the business curriculum. *Business and Professional Communication Quarterly*, 77(3), 249-265.
- Borko, H., Liston, D., & Whitcomb, J. A. (2007). Apples and fishes: The debate over dispositions in teacher education. *Journal of Teacher Education*, 58(5), 359-364.
- Bruce, C.D., Esmonde, I., Ross, J.A., Dookie, L., & Beatty, R. (2010). The effects of sustained classroom-embedded teacher professional learning on teacher efficacy and related student achievement. *Teaching and Teacher Education*, 26, 1598-1608.
- Canbay, O., & Beceren, S. (2012). Conceptions of teaching held by the instruction in English Language teaching departments. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry*, 3(3), 71-81.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(1), 67-87.
- Coakes, L., Steed, L., & Clara Ong. (2009). *SPSS version 16.0 version for windows: Analysis without Anguish*. Milton : John Wiley & Sons Australia, Ltd.
- Cochran, W. G. (1977). *Sampling techniques* (3rd ed.). New York: John Wiley & Sons  
Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*, Hillsdale, New Jersey, Lawrence Erlbaum Associates.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*, (3rd ed). New Jersey, United States: Pearson Education Inc.
- Demirhan, E., & Koklukaya, A. N. (2013). The critical thinking disposition of prospective science teachers. *World Conference on Educational Science*, 116, 1551-1555.
- Dhindsa, H.S., Kasim, M., & Anderson, R. (2011). Constructivist visual mind map teaching approach and the quality of students' cognitive structures. *Journal Science Education Technology*, 20, 186-200.
- Djigic, G., Stojiljkovic, S., & Doskovic, M. (2014). Basic personality dimension and teachers' self efficacy. *International Conference on Education and Educational Psychology*, 11(2), 593-602.

- Doddington, C. (2007). Critical thinking as a source of respect for persons: A critique. *Educational Philosophy and Theory*, 39(4), 449-459.
- Duckworth, A. H. (2010). *Cooperative learning: Attitude, perception and achievement in traditional, online and hybrid instructional setting*. (Tesis diterbitkan). University of Mississippi, United States.
- El-Demerdash, D. A., Hawashy, Z. I. E., Donia, S. A. A., & Taha, E. E. (2011). Preferred educational strategies and critical thinking disposition among nursing students. *Journal of American Science*, 7(5), 406-416.
- Eick, C. J., & Stewart, B. (2010). Disposition supporting elementary interns in the teaching of reform based science materials. *Journal Science Teacher Education*, 21, 782-800.
- Emery, D.W., & Vandenberg, B.(2010). Special education teacher burnout and act. *International Journal of Special Education*, 25(3), 119-131.
- Fatemah & Hamideh. (2011). The influence of students learning style on thinking skill. *Journal of Agricultural Education*, 47(1), 43-52.
- Ennis, R. H. (1985). A logical basis of measuring critical thinking skills. *Educational Leadership*, 43(2), 44-48.
- Ennis, R. H. (1991). Critical thinking: A streamlined conception. *Teaching Philosophy*, 14(1), 5-25.
- Ennis, R. H., & Norris, S. P. (1990). Critical thinking assesment: Status, issues, needs. In S. M. Legg and J. Algina (Eds.), *Cognitive assesment of language and math outcomes* (pp. 1-42). Norwood, NJ: Ablex.
- Facione, P., & Facione, N. (1992). *The California critical thinking disposition inventory*. Millbrae, CA: California Academic Press.
- Facione, P. A.(2013). Critical thinking: What it is and why it counts. *Millbrae, CA: California Academic Press*. Retrieved from [www.insightassessment.com](http://www.insightassessment.com)
- Facione, N. C., & Facione, P. A. (1997). *Critical thinking assesment in nursing education programs: An aggregate data-analysis*. Millbrae, CA: California Academic Press.
- Facione, P. A., Facione, N. C., & Giancarlo, C. A. (2000). The disposition towards critical thinking: Its character, measurement, and relationship to critical thinking skill. *Informal Logic*, 20(1), 61-84.
- Giancarlo, C. A., & Facione, P. A. (2001). A look across four years at the disposition towards critical thinking among undergraduate students 1. *The Journal of General Education*, 50(1), 29-55.

- Gibson, S., & Dembo, M. (1984). Teacher efficacy: A construct validation. *Journal of Educational Psychology*, 76(4), 569-582.
- Giovannelli, M. (2010). Relationship between reflective disposition toward teaching and ineffective teaching. *The Journal of Educational Research*, 96(5), 293-309.
- Harrison, J. R., Bunford, N., Evans, S. W., & Owens, J. S. (2013). Educational accommodations for students with behavioral challenges: A systematic review of the literature. *Review of Educational Research*, 83(4), 551-597.
- Hennessey, A., & Dionigi, R.A. (2013). Implementing cooperative learning in Australia primary schools: Generalist teachers' perspective. *Issue in Educational Research*, 23(1), 52-68.
- Hong, B. S. S., Ivy, W. F., & Schulte, D. P. (2009). Dispositions for special educators: Cultivating high-quality traits for working with students with special needs. *The International Journal of Learning*, 16 (1), 75-90.
- Hooks, B. (2010). *Teaching critical thinking: Practical wisdom*. New York: Routledge, Taylor & Francis.
- Ip, W. Y., Lee, D. T. F., Lee, I. F. K., Chau, J. P. C., Wootton, Y. S. Y., & Chang, A. M. (2000). Disposition towards critical thinking: A study of Chinese undergraduate nursing students. *Journal of Advanced Nursing*, 32(1), 84-90.
- Jamil, S., Downer, T., & Pianta, C. (2012). Association of pre service teachers' performance, personality and beliefs with teacher self efficacy at programme completion. *Teacher Education Quarterly*, 12(4), 120-138.
- Johnson, D. W., & Johnson, R. (2007). *Creative controversy: Intellectual challenge in the classroom* (4th ed.). Edina, MN: Interaction Book Company.
- Johnson, D. W., & Johnson, R. T., (2009). An educational psychology success story: Social interdependence theory and cooperative learning. *Educational Researcher*, 38(5), 365-379.
- Johnson, D. W., Johnson, R. T., & Holubec, E. J. (1994). *The nuts and bolts of cooperative learning*. Edina, MN: Interaction Book Company.
- Kamarun Tarim.(2009). The effect of cooperative learning on preschoolers' mathematics problems-solving ability. *Educational Studies in Mathematics*, 72(3), 325-340.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Malaysia Education Blueprint 2013-2025* (1<sup>st</sup> ed.). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khadijah Abdul Razak & Siti Rohani Bangi. (2014). Latihan, Kompetensi dan Efikasi guru pendidikan Islam Khas Bermasalah Pembelajaran daerah Hulu

Langat. Kertas kerja Seminar *International Conference on Lerner Diversity*. Selangor. 17-18 September.

Khairul Anuar Rahman. (2012). Disposisi guru berkesan: Personaliti dan kemahiran komunikasi. *Akademika*, 82(2), 37-44.

Khalid Johari. (2009). Perkembangan efikasi guru sekolah menengah di Sabah. *Jurnal Kemanusiaan*, 20(2), 32-43.

Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman, & Ahmad Tajuddin. (2009). Pengaruh jenis latihan dan pengalaman mengajar terhadap efikasi guru sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 3-14.

Kirmizi, F. S., Saygi, C., & Yurdakal, I. H. (2015). Determine the relationship between the disposition of critical thinking and the perception about problem solving skills. *Journal of Social and Behavioral Sciences*, 19(1), 657-661

Krejcie, R. V., & Morgan, D. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607–610.

Kurikulum Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*, (2012), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lotter, C. W., Harwood, & Bonner, J. J. (2007). The influence of core teaching conceptions on teachers' use of inquiry teaching practices. *Journal of Research in Science Teaching*, 14, 42-51.

Ma'rof Redzuan. (2011). *Psikologi Sosial*. Serdang. Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Margaret, J. B. 2007. *The relationship between secondary general education teacher self-efficacy and attitudes as they relate to teaching learning disabled students in inclusive setting*. (Tesis diterbitkan). Virginia Polytecnic Institute and State University.

Masitha Hj.Mohd.Yusof, Azizimuda, Ahmad Makmon, Bahaman Abu Samah, Ramli Basri, Noriati A. Rashid, & Mohamed Khaidir Alias. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi efikasi-kendiri guru sekolah menengah di malaysia dalam pelaksanaan pendidikan alam sekitar. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 12(2), 91-111.

Maziah Ismail.(2007). *Efikasi guru mengikut pengalaman mengajar dan jantina*. (Tesis tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

McBride, R. E., Ping Xiang, & Wittenburg, D.(2012).Disposition towards critical:Teachers perspective.*Teachers and Teaching:Theory and Practice*,8(1), 29-40.

- McCombs, B. L., Daniels, D. H., & Perry, K. E. (2008). Children's and teachers' perception on learner-centered practices with map, and student motivation: Implication for early schooling. *The Elementary School Journal*, 109(1), 16-35.
- Mogonca, F. R., & Mogonca, F. (2014). The constructivist teaching and the optimization of learning. *Social and Behavioral Sciences*, 128, 164-168.
- Mohd Khairuddin Abdullah & Halimah Laji. (2014). Komunikasi guru dalam bilik darjah dan tingkah laku delinkuen murid sekolah. *Jurnal Pemikiran Pendidikan*, 5, 59-77.
- Mohd Shah Rizal & Zamri. (2013). Persepsi guru terhadap pengajaran kontekstual dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Kertas kerja *Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu*. Selangor. 26 Januari.
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad, A., Rahim, S. S., Sulaiman, T., & Baki, R. (2015). Relationship between critical thinking disposition and inquiry teaching style among science teachers. *Advanced Science Letters*, 21(7), 2336-2339.
- Muhammad Tahir Khan, Ayaz Muhammad Khan, & Khalid Saleem. (2015). Teacher professional knowledge disposition: Relationship between understanding and practices. *Journal of Reserach and Reflections in Education*, 9(1), 55-62.
- Mulnix, J. W. (2012). Thinking critically about critical thinking. *Educational Philosophy and Theory*, 44(5), 463-479.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Sdn.Bhd.
- Noraniza Mohd Nor. (2010). *Satu kajian berkaitan esteem sendiri dan efikasi sendiri dalam kalangan pelajar sekolah menengah*. (Tesis tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Norris, S. P., & Ennis, R. H. (1990). *Evaluating critical thinking*. Pacific Grove, CA: Midwest Publications.
- Oruc, N. (2011). The perception of teaching as a profession by Turkish trainee teachers: Attitude towards being a teacher. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(4), 83-87.
- Paneque, O. M., & Barbeta, P. M. (2010). A study of teacher efficacy of special education teachers of English language learners with disabilities. *Bilingual Research Journal*, 30, 99-104.

- Paul, R. W. (1987). Dialogical thinking: Thinking thought essential to the acquisition of rational knowledge and passions. In J. Baron & R. Sternberg (Eds.), *Teaching thinking Skills: Theory and Practice* (pp. 127-148). New York: W. H. Freeman.
- Perkins, D., Jay, E., & Tishman, S. (1993). Beyond abilities: A dispositional theory of thinking. *Merrill-Palmer Quarterly*, 39( 1), 1-21.
- Perkins, D. N., Tishman, S., Ritchhart, R., Donis, K., & Al Andrade. (2010). Intelligence in the wild: A dispositional view of intellectual traits. *Educational Psychology Review*, 12(3), 269-293.
- Phang Yeen Cheng. (2015). *Relationship between teachers' perception and attitude towards science teaching and instructional practices in science teaching among science Teachers.*(Tesis tidak diterbitkan).Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Qing, Z., Nia, S., & Hong, T. (2010). Developing critical thinking disposition by task based learning in chemistry experiment teaching. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 2, 4561-4570.
- Rahmah Murshidi, Mohd Majid Konting, Habibah Elias, & Foo Say Fooi. (2006). Sense of efficacy among beginning teachers in Sarawak. *Teaching Education*, 17(3), 265-275.
- Rosma Osman. (2004). *Thought processes among teachers teaching specific subjects in secondary schools.* (Tesis tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Rosma Osman, Ong Eng Teck, Shakinaz Desa, & Wong Kung Teck. (2011). Tahap kemahiran berfikir dalam kalangan guru sekolah rendah. *Jurnal Kemanusiaan*, 41(2), 1-11.
- Shahzalina Ghazali. (2012). *Amalan pembelajaran koperatif di kalangan guru-guru mata pelajaran Teknik dan Vokasional.* (Tesis tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Siti Hajar. (2013). Kefahaman dan amalan guru-guru Pendidikan Islam terhadap kaedah pembelajaran koperatif. (Tesis tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Shilder, L. (2009). The impact of time spent coaching for teacher efficacy on student achievement. *Early Childhood Education Journal*, 36, 453-460.
- Siegel, H. (1988). The rationality of science, critical thinking, and science education. *Journal of Curriiculum*, 80(1), 9-41.
- Slavin, R. B. (2007). Students Motivating Students to Excel: Cooperative Incentives, Cooperative Tasks and Student Achievement. *The Elementary School Journal*, 85(1),



- Sockett, H. (2009). *Teacher dispositions: Building a teacher education framework of moral standards*. Washington, DC:AACTE Publications.
- Sojung Seo, & Hyukjun Moon. (2013). A comparative study of teaching efficacy in pre-service and in-service teachers in Korea early childhood education and care. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 41(4), 363-376.
- Syed Kamarzuan, Mohd Zaki, & Juslimah Jani. (2014). Efikasi sendiri guru pendidikan jasmani tentang pelaksanaan pengajaran mata pelajaran pendidikan jasmani. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 2(3), 43-51.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2007). *Using Multivariate Statistics*. (Edisi ke-5). Boston: Allyn & Bacon.
- Talbert-Johnson, C. (2006). Preparing highly qualified teacher candidates for urban schools: The importance of dispositions. *Education and Urban Society*, 39, 147-160.
- Tishman, S., Jay, E., & Perkins, D. N. (1992). Teaching thinking dispositions: From transmission to enculturation. *Theory Into Practice*, 20, 1-10.
- Trzcinka, S. H., & Grskovic, J. A. (2011). Mining reflection for the disposition to teach. *Journal of Higher Education Theory and Practice*, 11(1), 56-67.
- Tschannen-Moran, M. & Woolfolk-Hoy, A. (2001). The influence of resources and support on teachers' efficacy beliefs. Kertas kerja dibentangkan di *The Annual Meeting Of The American Educational Research Association*. New Orleans, LA.
- Wadlington, E., & Wadlington, P. (2011). Teacher dispositions: Implications for teacher education. *Childhood Education*, 87, 323-326.
- Zalifah Sidek. (2009). *Tahap efikasi sendiri dalam pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru-guru pelatih Institut Pendidikan Guru zon selatan*. (Tesis tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zuhairah Muhammad & Zamri Mahamod. (2010). Masalah pengajaran guru pendidikan khas yang mengajar Bahasa Melayu di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Kertas kerja di *Prosiding Seminar kebangsaan Pendidikan Keempat*. Selangor. 2-4 Ogos.
- Tajularipin Sulaiman, Azlida Mohamad, Roselan Baki, & Borhannudin Abdullah. (2015). The influence of passion towards critical thinking disposition among athletes in university. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(2), 569-577.

Watson, G., & Glaser, E. M. (1991). *Watson-Glaser Critical Thinking Appraisal manual*. Kent, OH: The Psychological Corporation. Lampiran A: Surat Kelulusan BPPDP, KPM

4

